

Kerajaan, universiti saling memerlukan: Sultan Azlan

Pemerintah, IPT boleh wujud perkongsian pintar bangunkan negara

KUALA LUMPUR: Sultan Perak Sultan Azlan Shah bertitah tanggapan kononnya kerajaan bersikap anti universiti atau universiti bersifat anti-kerajaan adalah tanggapan sempit dan wajib dikeluarkan daripada minda sebuah negara maju.

Universiti ditubuhkan daripada dasar kerajaan yang menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan ilmu, titah baginda pada istiadat konvokesyen ke-47 Universiti Malaya di sini, semalam.

Sultan Azlan Shah, yang juga Canselor universiti itu bertitah, kerajaan yang kuat akan secara positif bersedia menerima hasil penemuan dan kajian universiti dan universiti pula tidak harus berpihak tetapi perlu mengasaskan setiap kajian secara objektif berlandaskan fakta dan data yang tepat.

Baginda mahu universiti 'mengawal dengan penuh cemburu' atmosfera akademia supaya tidak dicemari dengan kegiatan bersifat anti-ilmiah dan anti-intelek.

Sultan Perak bertitah suasana pembelajaran dan pengajian tidak harus dikorbankan dan universiti sebaik-baiknya haruslah bebas daripada dominasi atau dijadikan gelanggang mana-mana kumpulan politik.

Badan politik juga wajib sama-sama memikul tanggungjawab memastikan sua-



CERIA: Sultan Azlan Shah bersama anakandanya Pro Canselor UM, Raja Dr Nazrin bergambar bersama-sama dekan fakulti dan penerima Ijazah selepas tamat sesi pertama majlis konvokesyen UM 2008 di Kuala Lumpur, semalam.

sana pembelajaran di kampus tidak dicemari kegiatan politik berunsur kumpulan atau bercorak kepartian yang mengetepikan prinsip keilmuan, titah baginda.

Baginda juga menyambut baik langkah kerajaan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dengan menyifatkannya langkah bijak dan tepat pada masanya.

"Kerajaan bijak akan menjadikan universiti sebagai rakan kongsi dalam membangunkan negara," titah baginda.

Menyentuh program kera-

jaan membawa balik tenaga pakar warga Malaysia yang berada di luar negara, Sultan Azlan Shah bertitah universiti boleh membantu dengan memperkenalkan insentif

“Universiti haruslah bebas daripada dominasi atau dijadikan gelanggang mana-mana kumpulan pihak”

Sultan Azlan Shah
Canselor Universiti Malaya

menarik dan berfungsi sebagai saluran kepada program itu.

Titah baginda universiti juga mempunyai tanggungjawab sosial, politik dan ekonomi untuk memastikan pendidikan di universiti menjadi instrumen berkesan merealisasikan hasrat membawa keluarga berpendapatan rendah atau menengah rendah mencapai status sosio ekonomi yang lebih baik.

Baginda juga mahu persepsi pemegang ijazah universiti luar negara memiliki daya kreativiti dan inovasi,

pemikiran strategik dan analisis, serta kemahiran menulis dan berkomunikasi lebih baik berbanding graduan tempatan, dikikis.

"Jika persepsi salah ini tidak diperbetulkan, ia akan bersifat prejudis kepada graduan tempatan, malah menjadi penyebab berlakunya ketidakadilan sosial," titah baginda.

Pada konvokesyen tahun ini, bekas Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung dan tokoh pendidik negara, Tan Sri Asiah Abu Samah diberi pengiktirafan Ijazah Kehormat. - Bernama